

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA  
[ SIPITANG]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah jangka panjang yang diambil Kerajaan untuk menangani isu kebanjiran pendatang asing di Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan melalui usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi yang berkaitan telah melaksanakan pelbagai usaha intervensi bagi mengatasi masalah kebanjiran pendatang asing tanpa izin (PATI) di seluruh negara khususnya di negeri Sabah. Operasi tangkapan dan pengusiran juga amat giat dijalankan. Sejak tahun 1990 hingga 30 September 2019, sebanyak 586,700 orang PATI telah diusir keluar dari Sabah.
  
2. Walau bagaimanapun, kerajaan sedar bahawa masalah PATI ini tidak mampu dibendung sepenuhnya melalui kaedah tangkap dan usir semata-mata. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa berusaha memperketatkan kawalan sempadan daripada dibolosi oleh sindiket penyeludupan PATI ke Sabah. Kerajaan juga sentiasa merancang dan melaksanakan langkah-langkah baharu yang boleh mempercepatkan

proses pengusiran PATI ke negara asal khususnya Filipina, terutamanya dengan mengadakan hubungan dan rundingan dengan kerajaan Filipina.

3. Selain PATI, Sabah juga dibanjiri oleh golongan pendatang asing yang merupakan keturunan pelarian Filipina. Dalam menangani kebanjiran golongan pendatang asing ini, ianya perlu mengambil kira faktor geopolitik negara-negara jiran terutamanya Filipina dan Indonesia yang mana rakyat mereka merupakan imigran terbesar yang membanjiri Sabah. Justeru itu, Kerajaan memberi sokongan penuh terhadap proses damai di selatan Filipina supaya kesan terhadap elemen *human security* tidak menular ke Malaysia khususnya di Sabah. Kerajaan juga melihat bahawa perkembangan terbaru seperti pembentukan *Bangsamoro Autonomous Region in Muslim Mindanao* (BARMM) di selatan Filipina merupakan peluang terbaik untuk mengurangkan jumlah kemasukan PATI dari negara jiran ini ke negeri Sabah.
4. Selain daripada langkah-langkah intervensi yang sedang dilaksanakan, Kerajaan berpandangan bahawa sokongan dan usaha membantu memakmurkan kawasan negara sempadan seperti di selatan Filipina mampu memberi impak positif dalam usaha membendung kebanjiran warga asing di negeri Sabah.
5. Perlu ditegaskan juga bahawa tindakan membendung masalah kebanjiran pendatang asing bukanlah terletak di bahu Kerajaan semata-mata, malah ianya memerlukan penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak termasuk orang awam supaya tidak bersekongkol dalam melindungi atau menggaji PATI untuk bekerja.

Sekian, terima kasih.